

TARIKH : 30 JUN 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## Pasukan khas bantu rakyat hadapi kos sara hidup

# Pasukan khas bantu rakyat hadapi kos sara hidup

Guna maklumat kementerian, orang ramai rangka strategi selesai kenaikan harga barang

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan semalam menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, bagi membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, penubuhan pasukan khas itu sebagaimana pasukan menguruskan pandemik COVID-19 sebelum ini, dipersetujui pada mesyuarat Jemaah Menteri yang berlangsung semalam.

Pasukan khas ini berperanan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai, bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu berkaitan inflasi, khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

"Pasukan khas ini juga akan berfungsi sebagaimana pasukan menguruskan pandemik CO-



Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

VID-19 dengan mengadakan mesyuarat dua kali seminggu iaitu pada Isnin dan Khamis.

"Sidang media akan diadakan selepas setiap mesyuarat berlangsung bagi memberi penjelasan kepada isu yang dibangkitkan oleh Keluarga Malaysia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pasukan khas itu dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dan dianggotai Menteri Kewangan, Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Da-

tuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ismail Sabri menambah, penubuhan pasukan khas ini diambil ekoran cabaran peningkatan kos sara hidup akibat perubahan iklim dan ketidaktentuan geopolitik, termasuk konflik antara Russia-Ukraine yang dijangka berlarutan sehingga memberi ke-

san kepada pasaran komoditi makanan serta bahan api.

"Pegawai khusus di setiap kementerian akan dilantik sebagai pegawai rujukan (focal point) untuk memberi maklum balas segera kepada Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang diurusetia-kan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan Keluarga Malaysia tidak terkesan dengan serius akibat daripada kenaikan inflasi di seluruh dunia," katanya.